

IDAMAN PHARMA PREDNISOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg
2. Bagaimana Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg
4. Cara menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg
5. Semasa menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg digunakan dalam rawatan beberapa keadaan yang berbeza. Antaranya termasuk alahan yang teruk, asma yang teruk atau kronik, masalah kulit, artritis, penyakit keradangan usus, kanser dan penyakit "auto-imun".

Ia juga digunakan untuk mencegah atau mengurangkan tanda-tanda keradangan (seperti bengkak, kemerahan, sakit, gatal-gatal) pada mana-mana bahagian badan. Gejala-gejala ini boleh berlaku sebagai tindak balas kepada kecederaan atau disebabkan oleh keadaan yang lain.

Bagaimana Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg berfungsi

Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil kortikosteroid iaitu hormon badan sintetik yang dihasilkan secara semulajadi yang dipanggil kortisol.

Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg berfungsi dengan memasuki sel-sel radang dan menyekat tindak balas keradangan. Ubat ini hanya digunakan untuk mencegah atau mengurangkan gejala, tetapi tidak menyembuhkannya.

Sebelum menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

- Bila tidak boleh menggunakan

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg dan doktor anda akan memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat-ubatan (termasuk ubatan untuk HIV seperti cobicistat).

Jangan mengambil Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg jika anda pernah mengalami reaksi alahan kepada:

- prednisolone atau prednisone
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Gejala reaksi alergi termasuk sesak nafas, sempit atau kesukaran bernafas, bengkak pada muka, bibir, lidah atau mana-mana bahagian badan yang lain; ruam, gatal atau geligata pada kulit.

Jangan ambil ubat ini jika anda mengalami jangkitan yang serius atau tidak terkawal, termasuk jangkitan kulat.

Jangan mengambil Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg selepas tarikh tamat tempoh yang dicetak pada label. Ia mungkin tidak mendatangkan kesan atau mendapat kesan yang tidak dijangka sama sekali jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luput.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang keadaan kesihatan yang lain melainkan jika telah

diarahkan oleh doktor. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain.

- Sebelum mula menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

Beritahu doktor jika anda alah kepada mana-mana ubat-ubatan lain atau mana-mana makanan, pewarna atau bahan pengawet.

Beritahu doktor jika anda mengalami apa-apa keadaan kesihatan yang berikut:

- pheochromocytoma (tumor kelenjar adrenal)
- osteoporosis (tulang rapuh) terutamanya bagi wanita yang telah menopause
- tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung
- penyakit kencing manis atau sejarah keluarga dengan kencing manis
- tuberkulosis (penyakit paru-paru) atau sejarah tuberkulosis
- glaukoma (keadaan mata yang menjejaskan penglihatan) atau sejarah glaukoma dalam keluarga
- sejarah kelemahan otot yang disebabkan oleh rawatan akibat steroid
- masalah hati atau buah pinggang
- sawan
- ulser perut
- kelenjar tiroid yang aktif
- sejarah mengalami pembekuan darah
- berancang mengambil vaksin
- menghidap *Cushing's disease* (gangguan hormon yang boleh menyebabkan gejala termasuk berat badan bertambah dengan mendadak, penipisan kulit dan berpeluh)
- menghidap distrofi otot – kelemahan otot akibat genetik
- menghidap *Crohn's disease* – radang usus
- sedang menjalani terapi imunosupresi, contohnya rawatan kanser

IDAMAN PHARMA PREDNISOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

- sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Mengambil dos harian sebanyak 15mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius yang dikenali sebagai scleroderma renal crisis yang boleh menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan kencing.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin mengganggu Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg. Ini termasuk:

- antiepileptik, seperti phenobarbital, carbamazepine, phenytoin, dan primidone bagi merawat sawan
- antivirus seperti ritonavir bagi merawat jangkitan HIV
- antibiotik seperti erythromycin and rifampicin yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria
- thalidomine dan aminoglutethimide, yang digunakan merawat penyakit kanser
- antikoagulan contohnya warfarin, yang digunakan untuk menipiskan darah
- aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid seperti ibuprofen dan indomethacin yang digunakan untuk merawat keradangan
- somatropin atau hormon pertumbuhan
- isoniazid bagi merawat tuberkulosis
- antikulat, seperti ketoconazole dan amphotericin yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat
- ciclosporin, ubat untuk mencegah penolakan pemindahan organ
- ritonavir dan indinavir bagi merawat jangkitan virus
- ubat yang digunakan untuk melegakan otot semasa pembedahan
- glikosida jantung contohnya digoxin dan ubat-ubatan yang berkaitan

dipanggil glikosida jantung, digunakan untuk merawat kegagalan jantung atau membantu menguatkan jantung yang lemah

- salbutamol, formoterol, fenoterol, ritodrine, bambuterol, salmeterol dan terbutaline atau ubat sympathomimetic lain, digunakan untuk merawat kesukaran bernafas (asma)
- insulin, digunakan untuk merawat kencing manis
- ubatan yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- teofilin, digunakan untuk merawat asma dan penyakit paru-paru obstruktif kronik (COPD)
- hormon seks wanita seperti estrogen, contohnya dalam pil kontraseptif oral
- mifepristone, digunakan untuk membantu proses bersalin atau pengguguran
- ubat sitotoksik seperti methotrexate yang digunakan untuk merawat kanser
- vaksinasi
- carbenoxolone yang digunakan untuk merawat ulser
- antikolinergik atau antimuscarinics
- imunosupresan yang mengurangkan aktiviti sistem imun badan
- antacid seperti magnesium trisilikat atau aluminium hidroksida yang digunakan untuk merawat gejala pedih ulu hati dan masalah pencernaan
- acetazolamide yang digunakan dalam rawatan glaukoma dan sawan
- anti tiroid seperti carbimazole

Ubat-ubatan ini mungkin dipengaruhi oleh Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg atau boleh menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil jumlah ubat yang berbeza atau mungkin memerlukan ubat yang berbeza.

Cara menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

- Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos biasa untuk orang dewasa:

Makan 5 hingga 60mg sehari sebagai dos tunggal atau dos yang dibahagikan. Keperluan dos adalah berubah-ubah dan berdasarkan rawatan dan tindak balas pesakit.

Dewasa biasa yang dihadkan:

Sehingga 250mg setiap hari.

Dos Kanak-Kanak Biasa:

Pengurangan adrenal - Makan, 140mcg (0.14mg) bagi setiap kg berat badan setiap hari dalam tiga dos yang dibahagikan.

Indikasi lain - Makan, 500mcg (0.5mg) hingga 2mg setiap kg berat badan setiap hari dalam tiga dos yang dibahagikan.

- Bila perlu digunakan

Menelan semua tablet, dengan sedikit air sebagai dos tunggal pada waktu pagi selepas sarapan kecuali jika diarahkan oleh doktor.

Doktor anda mungkin mahu anda mengikut diet rendah garam dan / atau diet kaya kalium.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakannya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

IDAMAN PHARMA PREDNISOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

- Perkara yang perlu dilakukan
Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian **Memandu dan menggunakan mesin**

Tiada bukti bahawa ubat ini boleh menjejaskan kebolehan ini kerana ia belum dinilai. Walau bagaimanapun, jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor dengan segera.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat, Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg boleh

menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Steroid termasuklah prednisolone boleh menyebabkan masalah kesihatan mental yang serius. Ini adalah perkara biasa di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak.

Jika anda mendapati mana-mana masalah ini berbincang dengan doktor anda dengan segera:

- rasa tertekan, termasuk terfikir tentang bunuh diri
- rasa khayal dan ketidakstabilan emosi
- berasa cemas, mengalami masalah tidur, kesukaran berfikir dan keliru, atau kehilangan ingatan
- perasaan, melihat atau mendengar perkara yang tidak wujud
- mempunyai pemikiran yang pelik dan menakutkan, perubahan tingkah laku atau berasa kesunyian
- berasa bergantung atau ketagih dengan produk ini

Berhenti mengambil tablet Prednisolone dan hubungi doktor anda dengan segera jika perkara berikut berlaku:

- keletihan atau insomnia
- peningkatan sel darah putih
- darah beku
- rasa loya dan muntah
- masalah jantung yang menyebabkan kesesakan nafas
- pening kepala
- kulit menjadi nipis
- kulit lebam dan kemerahan
- kulit gatal-gatal, ruam atau berjerawat
- luka sembuh perlahan
- peluh yang berlebihan
- tumbesaran pada bayi dan kanak-kanak terbantu
- ketiadaan atau tempoh haid yang tidak teratur
- berat badan atau selera yang meningkat

- peningkatan gula dalam darah
- masalah penglihatan atau glaucoma
- sawan bertambah teruk
- mata membonjol
- risiko mendapat jangkitan meningkat
- jangkitan sedia ada bertambah teruk
- jangkitan sebelumnya, seperti tuberkulosis (TB) aktif semula
- sakit otot
- tulang atau tendon patah
- ulcer perut atau esofagus
- kembung
- sakit perut
- cirit-birit
- tekanan darah tinggi
- perubahan tahap beberapa hormon, keseimbangan mineral atau protein dalam ujian darah
- peningkatan kolesterol atau tahap lemak dalam darah
- keradangan pankreas

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Penggunaan pada kanak-kanak

Berhati-hati apabila memberi Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg kepada kanak-kanak. Ia hanya boleh diberikan di bawah pengawasan doktor.

Kanak-kanak tidak boleh disuntik dengan vaksin hidup semasa mereka mengambil ubat ini, kerana ini boleh menyebabkan serangan teruk penyakit tersebut.

Kesan sampingan yang serius boleh berlaku pada kanak-kanak dan remaja yang masih dalam peringkat membesar. Di antaranya termasuk pertumbuhan yang perlahan.

IDAMAN PHARMA PREDNISOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

Penggunaan pada orang tua

Bagi pada pesakit tua, terutamanya penggunaan untuk jangka masa panjang, perlu dirancang oleh kerana kesan sampingan yang lebih serius boleh didapati pada usia tua terutamanya osteoporosis, kencing manis, hipertensi, hipokalaemia, kerentanan terhadap jangkitan dan penipisan kulit. Pengawasan yang ketat perlu dilakukan bagi mengelakkan reaksi yang boleh mengancam nyawa.

Penggunaan pada ibu hamil & menyusui

Jangan mengambil Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg jika anda hamil atau merancang untuk hamil. Ia secara umumnya tidak digalakkan untuk diambil di kalangan wanita hamil kecuali faedah rawatan melebihi risiko yang akan berlaku kepada bayi dalam kandungan. Jangan ambil ubat ini jika anda menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Ia tidak digalakkan untuk diambil semasa menyusukan bayi kerana ubat ini akan diserap ke dalam susu ibu.

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Prednisolone Tablet 5mg

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C di tempat kering yang dingin; Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas.

Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk

melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bersih, kering, bulat, seragam, rata, tablet bersisi serong, bergaris pada satu sisi dan warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Prednisolone 5mg

- Bahan tidak aktif:

Sodium Starch Glycolate, Purified Water, FD & C Blue, Sodium Benzoate, Cornstarch, Lactose, Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL19860163AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

INSPIRAPHARMA SDN. BHD.

(200401023395)

Lot 24 & 25, Jalan 8,

Kawasan Perusahaan Bakar Arang,

08000 Sungai Petani,

Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

18/06/2026

Nombor Siri NPRA(R4/1)110719/001